

24 JUN 2001

Abdullah-akhbar

KDN SENTIASA PANTAU AKHBAR SIAR LAPORAN TAK TEPAT

RAWANG, 24 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memantau akhbar-akhbar tempatan yang didapati menyiarkan laporan tidak tepat.

"Bila jadi sesuatu kita panggil (akhbar) dan cakap pada mereka cara mereka buat laporan itu biarlah ia bertepatan dengan maklumat berkaitan sesuatu situasi," katanya kepada pemberita selepas menyertai pertandingan golf amal Pemuda Gerakan Selangor di Templer Park di sini.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, ditanya sama ada kementerian itu akan memberi amaran bertulis kepada akhbar Nanyang Siang Pau dan China Press supaya tidak membuat laporan yang menyentuh sensitiviti kaum lain.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno memberi amaran keras kepada kedua-dua akhbar itu supaya tidak membangkitkan isu-isu perkauman yang boleh menjejaskan perpaduan kaum.

Abdullah berkata kebiasaannya selepas akhbar diberi amaran, tidak timbul lagi kejadian mensensasikan sesuatu peristiwa atau berlaku andaian yang tidak benar dan tidak tepat.

"Jika ada apa-apa yang berkaitan dengan sesuatu (isu yang disiarkan oleh dua akhbar itu) yang boleh diberi amaran, maka tindakan tetap akan diambil," katanya.

Pada majlis itu Abdullah turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Yang turut menyertai pertandingan itu ialah Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai.

-- BERNAMA

NZ AZZ MAI